

PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP PELAPORAN KEWANGAN MENERUSI INTERNET

Mohd Noor Azli Ali Khan^{1*} & Noor Azizi Ismail²

¹Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia.

²Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia.

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara empirikal pandangan pengguna penyata kewangan (khususnya pelajar universiti) terhadap pelbagai aspek pelaporan kewangan menerusi internet (PKMI). Kajian ini turut mengkaji faktor yang mempengaruhi syarikat untuk mengamalkan PKMI. Pandangan berkaitan dengan kelebihan dan kekurangan penggunaan teknologi baru bagi PKMI turut dikaji. Pandangan pengguna penyata kewangan diperoleh melalui kaedah soal selidik. Hasil kajian menunjukkan meningkatkan imej korporat syarikat seiring dengan perkembangan teknologi persaingan dalam industri, persaingan dalam industri, menstabilkan dan memperbaiki harga saham, menerima sokongan daripada kerajaan dan tanggungjawab kepada masyarakat merupakan enam faktor utama yang mendorong syarikat untuk mengamalkan PKMI. Tiga faktor utama yang menyebabkan syarikat tidak mengamalkan PKMI ialah memerlukan kepakaran dalam syarikat, memerlukan maklumat sentiasa dikemas kini, dan prihatin terhadap keselamatan maklumat. Peningkatan maklumat dan analisis, mudah untuk dilayari, dan capaian komunikasi di peringkat global merupakan tiga kelebihan utama daripada PKMI. Manakala, masalah keselamatan maklumat merupakan kekangan yang membelenggu PKMI. Bukti hasil kajian di Malaysia ini relevan kepada pasaran modal yang sedang berkembang. Seterusnya, implikasi hasil kajian dan kajian pada masa hadapan turut dibincang.

Kata kunci: *pengguna, faktor, kelebihan, kekurangan, pelaporan kewangan menerusi internet (PKMI)*

Abstract. The study seeks to investigate empirically the perceptions of users of financial statement (especially university students) on the various aspects of internet financial reporting (IFR). Further, this paper examines the factors that influence companies in Malaysia to engage in IFR. Perceptions of advantages and disadvantages in using this new technology for financial reporting were also examined. Users' perceptions on financial statement were solicited using a survey mailed questionnaire. The findings of this study suggested six main factors that companies to engage in IFR: enhance corporate image, company teller with the technology development, competitors in the industry, stability and improvement in share prices, receive government support, and obligations to community. The findings also revealed that three factors that inhibit firms from engaging in IFR are: required expertise from the company, need to keep information updated to be of use, and concern over security of information. Another important result revealed that increased information and analysis, navigational ease, and global reach and mass communication as the most three important advantages from financial reporting on the internet. Moreover, security problems are the disadvantages of placing financial information on the internet. The evidence on Malaysia is relevant to other emerging capital markets. Finally, the implication of research findings and future research will also be discussed.

Keywords: *users, factor, advantage, disadvantage, internet financial reporting (IFR)*

PENGENALAN

Kajian tinjauan pengguna Internet di Malaysia yang dilaksanakan oleh Persatuan Digital Malaysia menunjukkan terdapat peningkatan dalam kalangan pengguna Internet Malaysia yang melayari laman web meningkat dari 4.4 peratus atau 1.1 juta kepada 25.3 juta pada bulan Januari 2012 dengan 32 peratus darinya mengakses menerusi telefon mudah alih (Berita Harian, 27 Mac 2012). Dalam pada itu, purata jangka masa yang diluahkan oleh rakyat Malaysia untuk melayari laman web adalah seminit 17 saat dengan golongan lelaki yang paling ramai iaitu sebanyak 58 peratus (Berita Harian, 27

* E-mail: m-nazli@utm.my

Mac 2012). Bilangan pengguna internet di Malaysia dijangka meningkat kepada 25 juta orang menjelang 2015 berbanding 18 juta orang pada 2012, ini diperjelaskan dalam Laporan Ekonomi 2013/2014 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (Berita Harian, 25 Oktober 2013). Malaysia merupakan negara nombor satu di dunia untuk akses internet secara eksklusif menggunakan telefon pintar (Utusan, 27 Oktober 2014). Kadar penembusan internet di Malaysia setakat 30 Jun 2014 diwakili oleh 67 peratus (Internet World Stats, 2015). Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada masa kini telah menjadikan masyarakat Malaysia lebih berilmu dan bermaklumat (Mohd Rawi et al., 2012).

Internet muncul sebagai wahana pilihan bagi penyebaran maklumat oleh syarikat korporat bermula sekitar tahun 1990an dan penggunaannya semakin meningkat pada masa kini. Kewujudan laman web syarikat merupakan platform yang penting bagi promosi dan jualan (Beattie & Pratt, 2003), pelaporan kewangan dan hubungan dengan pelabur (Joshi & Al-Modhahki, 2003), pelaporan korporat (Trabelsi et al., 2004) dan penyampaian maklumat mengenai organisasi dan aktivitinya (Chan & Wickramasinghe, 2006; Sriram & Lakshmana, 2006). Terdapat peningkatan ketara dalam peratusan syarikat yang mempromosikan laman web melalui Internet dan mempunyai kecenderungan untuk menyebarkan maklumat pelaporan perniagaan seperti data kewangan (Celik et al., 2006). Memandangkan penggunaan Internet semakin meluas, kajian terutamanya dalam bidang pelaporan kewangan dan pendedahan semakin menarik untuk diselidiki (Khan, 2006).

Lagipun, pelaporan kewangan menerusi Internet (PKMI) merupakan satu bidang penyelidikan perakaunan kewangan yang penting dan agenda yang menarik untuk dikaji (Ali Khan & Ismail, 2012a), khususnya yang melibatkan pandangan pengguna penyata kewangan terhadap PKMI. PKMI diterima dengan baik sebagai satu medium perantara untuk berkomunikasi dengan para pemegang saham pada masa semasa (Alam & Rashid, 2014). Tambahan lagi, ini berasaskan kepada pertumbuhan teknologi maklumat mencipta revolusi dalam mendapatkan maklumat tanpa sempadan walau di mana jua berada (Shiri, Salehi & Bigmoradi, 2013), sifat kajian PKMI yang sangat dinamik (Uyar, 2012; Ali Khan & Ismail, 2013b) dan peningkatan internet dan teknologi dalam talian menyediakan satu cara baru bagi syarikat untuk berkomunikasi berkaitan maklumat korporat (Fuertes-Callen et al., 2014).

Secara globalnya, Internet menyediakan kemudahan komunikasi maklumat pada kos yang rendah (Gowthorpe, 2004). Oleh sebab itu, pelaporan Internet merupakan fenomena terkini dan begitu cepat membangun (Oyelere et al., 2003). Kebanyakan syarikat di seluruh dunia memperkenalkan laman web masing-masing kepada pihak umum yang berminat dan mempunyai keupayaan teknologi untuk memperoleh maklumat kewangan dan bukan kewangan (Gowthorpe, 2004; Joshi, 2008). Pengguna dan syarikat melihat kelebihan penggunaan Internet untuk menyalurkan maklumat kewangan dan maklumat boleh diperolehi dengan lebih cepat dan berasaskan masa sebenar (Beattie & Pratt, 2003). Syarikat boleh melebarkan dan membahagikan pelaporan mengikut sasaran pengguna (Ashbaugh et al., 1999). Bagi pengguna, kelebihan penggunaan internet bergantung kepada keupayaan untuk mencapai dan kesenangan untuk mencari (Thompson, 1996).

Walaupun penggunaan internet semakin meningkat dalam pelaporan kewangan, namun isu berkaitan pandangan dan keutamaan pengguna penyata kewangan berkaitan PKMI masih kurang diselidiki (Al-Htaybat et al., 2011; Ali Khan & Ismail, 2012c). Antara persoalan yang timbul ialah apakah faktor yang mempengaruhi syarikat mengamalkan PKMI dan apakah kelebihan dan kekurangan PKMI di Malaysia. Buat masa ini, penyelidikan berkaitan dengan PKMI menurut pandangan pengguna penyata kewangan amat terhad. Oleh itu, kajian ini mengambil inisiatif untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi syarikat mengamalkan PKMI, kelebihan dan kekurangan PKMI dengan mengambil kira pandangan pengguna penyata kewangan. Justeru itu, isu yang diutarakan dalam kertas kerja ini ialah untuk mengkaji pandangan pengguna penyata kewangan khususnya pelajar universiti terhadap faktor, kelebihan dan kekurangan PKMI. Seterusnya, hal demikian memerlukan pembuktian secara empirikal yang berupaya untuk menyumbang kepada badan ilmu penyelidikan PKMI.

Kertas kerja ini dipersembahkan seperti berikut; bahagian ulasan karya yang membincangkan hal berkenaan penyelidikan PKMI. Bahagian seterusnya membicarakan perkara yang berkaitan dengan metodologi dan penemuan kajian. Bahagian terakhir membincangkan kesimpulan bagi kertas kerja ini dan hala tuju kajian pada masa akan datang.

SOROTAN LITERATUR

PKMI merupakan bidang penyelidikan yang baru dan luas untuk diselidiki (Moradi et al., 2011), agenda penyelidikan yang penting bagi kajian pada masa hadapan (Ali Khan & Ismail, 2011a; Ali Khan & Ismail, 2012a) dan menjadi satu tumpuan penyelidikan di peringkat antarabangsa (Al-Htaybat, 2011). Karya lepas berkaitan PKMI dan komunikasi mula diterbitkan sejak tahun 1997 atau 1998 (Gowthorpe, 2004). Lymer (1999) menunjukkan minat yang serius terhadap penggunaan Internet dalam perniagaan pada tahun 1995 apabila jaringan sejagat dibangunkan. Selepas itu, kajian ahli akademik dan badan profesional berkaitan PKMI mula diterbitkan. Ali Khan dan Ismail (2012a) menjelaskan bahawa evolusi kajian PKMI bermula dengan kajian deskriptif, kajian perbandingan, kajian hubungan, dimensi dan pemasakan.

Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta penggunaan Internet bagi tujuan pelaporan kewangan, kajian khususnya berkaitan PKMI mula diterbitkan pada pertengahan tahun 1990an (Allam & Lymer, 2003). Namun begitu, kajian awal berkaitan PKMI adalah bersifat deskriptif. Fokus utama kajian lebih tertumpu kepada kewujudan laman sesawang di kalangan syarikat tersenarai di Bursa Saham dan sama ada syarikat tersebut menyediakan maklumat tertentu di dalam laman sesawang syarikat (Petraevick & Gillett, 1996; Louwers et al., 1996; Lymer, 1997; Flynn & Gowthorpe, 1997; Gray & Debreceny, 1997; Petraevick & Gillett, 1998). Selain itu, PKMI turut menarik minat badan profesional perakaunan untuk membuat kajian berkaitan PKMI, antaranya *Institute of Chartered Accountants in England and Wales* (ICAEW, 1998; ICAEW, 2004), *International Accounting Standards Committee* (IASC, 1999), *Canadian Institute of Chartered Accountants* (CICA, 1999), dan *Financial Accounting Standards Board* (FASB, 2000; FASB 2001).

Menurut *Financial Accounting Standards Board* (FASB) (2000), laman sesawang hanya dikomersialkan bermula pada tahun 1994. Dari segi kajian literatur yang berkaitan dengan pelaporan perniagaan dan kewangan berasaskan laman sesawang, FASB (2000) merumuskan sinopsis kajian lalu boleh diringkaskan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menjuruskan kepada kajian yang melaporkan dapatan berbentuk kajian umum statistik deskriptif. Seterusnya, bahagian kedua menjuruskan kepada rumusan kajian yang mengenal pasti perbezaan pelaporan berasaskan laman sesawang di antara syarikat yang mempunyai hubungan dengan ciri syarikat.

Joshi dan Al-Modhahki (2003) pula menjelaskan bahawa kajian lepas PKMI boleh dikategorikan kepada dua tema utama iaitu (1) amalan syarikat yang menggunakan Internet bagi tujuan pelaporan kewangan dan strategi komunikasi hubungan dengan pelabur, dan (2) faktor penentu bagi pemilihan pelaporan berasaskan laman sesawang. Kajian dalam tema yang pertama termasuklah kajian yang dilakukan oleh Petraevick dan Gillet (1996), Gowthorpe dan Flynn (1997), Lymer dan Tallberg (1997), dan Louwers et al. (1998). Kajian tersebut lebih terarah kepada keadaan dan lanjutan bagi PKMI di laman sesawang korporat syarikat di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Finland, Eropah, Ireland dan Australia. Secara keseluruhannya, kesimpulan bagi tema pertama ialah majoriti syarikat di negara maju mempunyai laman sesawang korporat yang mengandungi pelbagai maklumat kewangan yang lengkap dan terperinci. Syarikat di negara maju menggunakan teknologi komunikasi yang terkini bagi pelaporan kewangan korporat disebabkan oleh ciri paparan yang unik dan kelebihan yang ditawarkan oleh internet.

Bagi tema yang kedua, kajian lebih menjuruskan kepada mengenal pasti faktor penentu bagi polisi firma yang menggunakan internet bagi tujuan pelaporan kewangan syarikat. Kajian dalam tema ini ialah seperti Flynn dan Gowthorpe (1997), Marston dan Leow (1998), dan Joshi dan Al-Bastaki (2000).

Flynn dan Gowthorpe (1997) menganalisis amalan pelaporan bagi 100 buah syarikat kelompok teratas Fortune Global 500 dan mendapati bahawa syarikat yang mengamalkan PKMI menggunakan kaedah yang berbeza bergantung kepada keadaan ekonomi dan latar belakang budaya di mana syarikat itu ditubuhkan. Marston dan Leow (1998) pula menguji hubungan di antara ciri syarikat dengan PKMI ke atas 100 buah syarikat FTSE di UK pada tahun 1996. Berdasarkan kerangka kerja teoritik hubungan prinsipal agensi, teori proses politik, teori pemberitahuan dan analisis kos benefits, mereka menguji hipotesis bagi hubungan di antara ciri syarikat dengan PKMI. Kajian mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif di antara saiz syarikat dan kemungkinan untuk menyampaikan lebih banyak maklumat kewangan menerusi Internet.

Craven dan Marston (1999) turut membuat kajian mengenai pelaporan Internet terhadap 200 buah syarikat kelompok teratas di UK, melaporkan bahawa syarikat besar lebih berkemungkinan untuk melaporkan maklumat dalam laman sesawang syarikat, dan pengklasifikasian jenis industri kelihatan menggambarkan tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Manakala, Pirchegger dan Wagenhofer (1999) mengkaji syarikat di Austria bagi dua tempoh masa dan membandingkan skor pendedahan dengan syarikat German. Hasil kajian mendapati bahawa bagi syarikat di Austria, syarikat besar melaporkan lebih maklumat dengan peratusan yang tinggi bagi *free float* jumlah saham yang diterbitkan memperoleh skor yang lebih. Joshi dan Al-Bastaki (2000) membuat kajian mengenai status semasa bagi penggunaan internet oleh sampel sebanyak 35 buah bank di Bahrain. Hasil kajian mendapati bahawa bank yang bersaiz besar lebih banyak menggunakan laman sesawang bagi tujuan pelaporan kewangan.

Kajian Hassan et al. (1999) berkaitan pandangan pegawai urusan kewangan daripada 247 syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kini dikenali sebagai Bursa Malaysia tentang kebergunaan pelaporan maklumat kewangan di laman sesawang syarikat. Soal selidik dipos kepada responden dan mendapat maklum balas pada kadar 35.04%. Kajian turut mengkaji hubungan antara praktis PKMI dengan pemboleh ubah spesifik syarikat. Empat pemboleh ubah bebas digunakan iaitu saiz syarikat, keberuntungan, jenis industri dan firma audit. Ujian statistik yang digunakan ialah analisis univariat. Hasil kajian mendapati bahawa 89 (36%) buah syarikat mempunyai laman sesawang tetapi hanya 41 (46.1%) buah syarikat sahaja melaporkan maklumat kewangan menggunakan laman sesawang syarikat. Saiz syarikat dan keberuntungan merupakan faktor yang mempengaruhi secara signifikan seterusnya memotivasikan keputusan untuk memiliki laman sesawang korporat. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa lebih 75% responden bersetuju atau amat bersetuju bahawa polisi pelaporan maklumat kewangan menerusi Internet memberi kelebihan kepada syarikat. Antaranya syarikat berupaya untuk menarik pelanggan yang berpotensi, pelabur tempatan dan luar negara, mempromosi ketelusan dan menyediakan lebih liputan berbanding dengan laporan tahunan secara tradisional. Selain itu, kajian Hassan et al. mengkaji alasan yang mempengaruhi syarikat tidak melaporkan maklumat kewangan menerusi Internet. Dapatan kajian menunjukkan lebih daripada 70% responden berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan syarikat tidak melaporkan maklumat kewangan menerusi Internet adalah disebabkan oleh tiada keperluan perundangan, ketersediaan alternatif yang lain bagi pengguna untuk mendapatkan maklumat kewangan, dan wujud keperluan untuk menyelenggara dan mengemas kini maklumat dalam laman sesawang.

Kajian Joshi dan Al-Modhahki (2003) berkaitan amalan PKMI di Bahrain dan Kuwait menunjukkan bahawa capaian komunikasi utama peringkat global dan ketepatan masa yang sentiasa dikemas kini merupakan dua kelebihan utama daripada PKMI. Manakala, masalah keselamatan maklumat merupakan kekangan utama apabila melaporkan maklumat kewangan menerusi Internet. Manakala, kajian Ali Khan dan Ismail (2009a) berkaitan kelebihan dan kekurangan PKMI di Malaysia menunjukkan bahawa capaian komunikasi utama peringkat global dan ketepatan masa yang sentiasa dikemas kini merupakan dua kelebihan utama daripada PKMI. Manakala, masalah keselamatan maklumat merupakan kekangan utama PKMI.

Kajian Ali Khan dan Ismail (2010) berkaitan kepentingan item PKMI menggunakan dimensi kandungan dan dimensi pembentangan bagi mengetahui tahap PKMI. Hasil kajian menunjukkan

bahawa terdapat lima item utama iaitu penyata pendapatan tahun semasa, kunci kira-kira tahun semasa, nota penyata kewangan tahun semasa, penyata pendapatan tahun lepas, dan penyata aliran tunai tahun semasa yang berupaya menggambarkan dimensi kandungan. Manakala, bagi dimensi pembentangan terdapat lima item utama iaitu masa muat turun laman sesawang syarikat, pautan kepada laman sesawang, hiperpautan kepada analisis kewangan, hiperpautan ada di dalam laporan tahunan, dan pautan kepada senarai kandungan.

Ali Khan dan Ismail (2011b) mengkaji tahap PKMI bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Berdasarkan penelitian yang mendalam berkaitan penggunaan dimensi yang dapat menggambarkan tahap PKMI, tahap PKMI boleh diukur dengan menggunakan dua dimensi utama iaitu dimensi kandungan dan dimensi pembentangan. Dimensi kandungan akan memberikan maklumat mengenai jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman dan dimensi pembentangan pula akan memberikan maklumat mengenai penggunaan ciri paparan terkini dalam menyebarkan maklumat korporat dan reka bentuk laman sesawang sesebuah syarikat (Ali Khan dan Ismail, 2009b). Hasil kajian menunjukkan bahawa purata tahap PKMI ialah 65.10 dengan nilai minimum dan maksimum masing-masing 48.27 peratus dan 78.16 peratus.

Ali Khan dan Ismail (2011c) mengulas sorotan literatur berkaitan penyelidikan PKMI. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan terma, dimensi dan penklasifikasian berkaitan PKMI tidak konsisten dalam kalangan penyelidik. Perbezaan ini menyumbang kepada perbezaan dapatan kajian dan seterusnya gagal menerangkan dengan jelas faktor penentu yang mempengaruhi PKMI. Penelitian terhadap kajian PKMI turut mendapati sedikit sahaja kajian yang memberi fokus kepada pembinaan indeks pelaporan bagi menerangkan tahap PKMI. Pengajaran yang dapat dicungkil daripada perbincangan dan ulasan hal tersebut ialah perlunya satu kajian yang lebih komprehensif bagi membincangkan hal penyelidikan PKMI.

Kajian Ali Khan dan Ismail (2012b) mengenai indeks PKMI menunjukkan bahawa 87 item pelaporan yang boleh digunakan dalam senarai semakan PKMI untuk mengetahui tahap PKMI di kalangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia menurut pandangan penyedia penyata kewangan. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa terdapat lima item utama iaitu penyata pendapatan tahun semasa, kunci kira-kira tahun semasa, penyata aliran tunai tahun semasa, laporan juruaudit tahun semasa dan laporan tahunan (teks penuh) tahun semasa yang berupaya menggambarkan dimensi kandungan. Manakala, bagi dimensi pembentangan terdapat lima item utama iaitu masa muat turun laman web syarikat (kurang 10 saat), laporan tahunan dalam format PDF, hiperpautan kepada analisis kewangan, hiperpautan ada di dalam laporan tahunan, dan pautan kepada laman sesawang utama.

Kajian Ali Khan dan Ismail (2013a) menunjukkan bahawa kelebihan utama PKMI ialah capaian maklumat yang luas dan global. Manakala, kekurangan utama PKMI pula ialah masalah keselamatan. Kajian Ali Khan dan Ismail (2013b) memberikan bukti empirikal bahawa 144 item pelaporan boleh digunakan bagi senarai semakan indeks PKMI untuk mengetahui tahap PKMI menurut pandangan pengguna penyata kewangan. Kajian terkini, Ali Khan dan Ismail (2014a) menunjukkan bahawa 140 item yang perlu digunakan untuk mengukur tahap PKMI menurut pandangan penyedia dan pengguna penyata kewangan. Manakala, Ali Khan dan Ismail (2014b) pula menunjukkan bahawa saiz syarikat, tempoh penyenaian syarikat dan pulangan atas ekuiti merupakan tiga faktor penentu yang mempengaruhi tahap PKMI di Malaysia.

Beberapa kajian terkini PKMI, kajian Bekiaris et al. (2014) menunjukkan bahawa keberuntungan, leveraj, umur syarikat dan struktur pemilikan adalah faktor penentu syarikat kewangan di Greek dan Cyprus. Kajian Momany et al. (2014) mendapati bahawa saiz syarikat, leveraj dan struktur pemilikan adalah karakter spesifik syarikat yang mempengaruhi amalan PKMI di Jordan. Seterusnya, kajian Dolinsek et al. (2014) menunjukkan bahawa saiz syarikat, struktur pemilikan, status penyenaian dan jenis industri merupakan ciri syarikat yang mempengaruhi amalan PKMI di Slovenia. Manakala, kajian Fuertes-Callen et al. (2014) mendapati bahawa saiz syarikat dan status penyenaian adalah faktor penentu yang mempengaruhi amalan PKMI di Argentina, Mexico dan Chile.

METODOLOGI

Sebagai panduan umum, Konting (2000) menyatakan penyelidik digalakkan menggunakan saiz sampel melebihi 30 unit kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Malahan, Roscoe (1975) dalam (Sekaran, 2003) mencadangkan petunjuk kasar atau wajar (*rules of thumb*) bagi menentukan saiz sampel ialah saiz sampel perlulah lebih daripada 30 dan kurang daripada 500 adalah bersesuaian bagi kebanyakan penyelidikan, dan sampel yang dibahagikan kepada beberapa subsampel (contohnya, lelaki/perempuan, *junior/senior* dan sebagainya), maka saiz minimum sampel ialah 30 bagi setiap kategori adalah diperlukan. Saiz sampel dalam kajian rintis itu sendiri sudah boleh dianalisis dengan berkesan kerana memenuhi syarat sampel besar dalam ilmu statistik iaitu n melebihi 30 (Ayob, 2005).

Memandangkan kajian ini bersifat kajian penerokaan, kajian sebenar dilakukan bagi mengetahui pandangan pengguna penyata kewangan terhadap faktor, kelebihan dan kekurangan PKMI. Sasaran responden dalam kajian ini ialah pengguna penyata kewangan khususnya pelajar universiti. Pandangan daripada pengguna penyata kewangan (broker saham, remisier, pemilik perniagaan, graduan, ahli akademik dan lain-lain pengguna) terdedah dengan maklumat perakaunan dan mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk menggunakan maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan (Mohd Isa, 2006). Hodge (2001) menyatakan bahawa pelajar universiti dalam bidang perniagaan mempunyai karakter yang sama dengan peniaga dalam talian dan pelajar sarjana perniagaan digunakan sebagai proksi bagi peniaga dalam talian. Sekitar Januari 2011, soal selidik telah dihantar kepada 84 responden (iaitu pelajar kelompok pertama Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim) dengan menggunakan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan sesuai digunakan ke atas kumpulan sasaran tertentu (Ayob, 2005). Hasilnya, sejumlah 74 soal selidik telah dipulangkan dengan kadar maklum balas sebanyak 88%. Soal selidik mempunyai beberapa bahagian. Bahagian terakhir dalam soal selidik tersebut mengandungi persoalan mengenai faktor yang mempengaruhi syarikat untuk mengamalkan PKMI, kelebihan dan kekurangan PKMI. Skala likert 5 mata digunakan dalam pengukuran soal selidik yang mana 1 mewakili sangat tidak setuju dan 5 bermaksud sangat setuju.

PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dalam bahagian ini membincangkan profil demografi responden, faktor, kelebihan dan kekurangan PKMI. Sebanyak 74 responden terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan Jadual 1, lebih 60% responden adalah perempuan. Lebih 50% responden pula adalah bumiputera.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Bangsa	Bumiputera	40	54.1
	Bukan Bumiputera	34	45.9
Jantina	Lelaki	12	16.2
	Perempuan	62	83.8

Pelbagai faktor yang berkemungkinan mempengaruhi syarikat untuk mengamalkan atau tidak mengamalkan PKMI. Dalam kajian ini, soal yang diutarakan kepada responden adalah hasil daripada soalan yang diadaptasikan daripada kajian Haniffa dan Cooke (2005). Jadual 2 menunjukkan penemuan kajian berkaitan dengan faktor yang berkemungkinan mempengaruhi syarikat untuk mengamalkan PKMI. Berdasarkan nilai min dalam Jadual 2, hasil kajian menunjukkan bahawa meningkatkan imej korporat, syarikat seiring dengan perkembangan teknologi persaingan dalam industri, persaingan dalam industri, menstabilkan dan memperbaiki harga saham, menerima sokongan daripada kerajaan dan tanggungjawab kepada masyarakat merupakan enam faktor utama mengapa

syarikat mengamalkan PKMI. Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa kepentingan untuk mempertingkatkan imej sesebuah organisasi dan seiring dengan zaman serba moden dengan kelengkapan ICT mendorong sesebuah syarikat untuk mempraktikkan PKMI. Seperkara lagi, penemuan ini turut menunjukkan bahawa praktis PKMI memberi isyarat atau simbol pemberitahuan kepada pesaing syarikat yang syarikat keterhadapan dalam mengaplikasikan amalan yang berteraskan teknologi semasa dan perubahan terkini. Ianya bersesuaian dengan gagasan syarikat mendepani organisasi selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

Jadual 2: Faktor Mempengaruhi Syarikat Mengamalkan PKMI

Faktor	Min	Sisihan Piawai
Meningkatkan imej korporat	4.35	.607
Syarikat seiring dengan perkembangan teknologi	4.30	.856
Persaingan dalam industri	4.20	.758
Menstabilkan dan memperbaiki harga saham	4.18	.800
Menerima sokongan daripada kerajaan	4.04	.730
Tanggungjawab kepada masyarakat	4.03	.793
Mendapat dana daripada pelbagai sumber	3.96	.835
Pengarah urusan berkeinginan untuk mengamalkan PKMI	3.88	.776
Mendapat perhatian media	3.80	.921
Tekanan pemegang saham	3.59	.920
Memenangi anugerah	3.22	.896

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian berkaitan faktor yang berkemungkinan mempengaruhi syarikat untuk tidak mengamalkan PKMI. Berdasarkan nilai min dalam Jadual 3, hasil kajian menunjukkan bahawa dua faktor utama yang menyebabkan syarikat tidak mengamalkan PKMI ialah memerlukan kepakaran dalam syarikat dan memerlukan maklumat sentiasa dikemas kini. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa syarikat memerlukan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang ICT untuk sentiasa menyelenggara dan mengemas kini maklumat yang dipaparkan dalam laman sesawang sesebuah syarikat.

Jadual 3: Faktor Mempengaruhi Syarikat tidak Mengamalkan PKMI

Faktor	Min	Sisihan Piawai
Memerlukan kepakaran dalam syarikat	4.05	.792
Memerlukan maklumat sentiasa dikemas kini	4.01	.802
Prihatin terhadap keselamatan maklumat	3.77	.900
Prihatin terhadap hakmilik maklumat berkaitan pelaporan	3.76	.857
Terlalu mahal untuk kos penyelenggaraan	3.65	.913
Medium alternatif untuk mendapatkan maklumat	3.59	.843
Memerlukan tanggungan perundangan	3.58	.876
Kos terlibat melebihi keutamaan faedah kepada syarikat	3.58	.979
Tidak mahu terlalu telus	3.51	1.037
Tiada keperluan perundangan	3.49	.954
Berkemungkinan kehilangan kelebihan persaingan	3.49	.910

Analisis lanjutan dilakukan bagi mengetahui pandangan responden berkaitan kelebihan dan kekurangan melaporkan maklumat kewangan menerusi laman sesawang syarikat. Soalan dalam soal selidik ini adalah hasil daripada penelitian beberapa sorotan literatur lepas (seperti Wallman, 1995; Green & Spaul, 1997; Lymer & Tallberg, 1997; Joshi & Al-Modhahki, 2003; Ali Khan & Ismail, 2009a). Pandangan responden diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata yang mana 1 mewakili sangat tidak setuju dan 5 bermaksud sangat setuju. Keputusan kajian adalah seperti di Jadual 4 dan Jadual 5. Hasil kajian menunjukkan bahawa peningkatan maklumat dan analisis, dan mudah untuk

dilayari dan merupakan dua kelebihan utama daripada PKMI. Penemuan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian Joshi dan Al-Modhahki (2003) dan Ali Khan dan Ismail (2009a). Ini menunjukkan bahawa peningkatan maklumat dan analisis adalah kelebihan utama PKMI menurut pandangan pelajar universiti. Dengan kata lain, segala maklumat yang dipaparkan dalam laman sesawang syarikat boleh digunakan untuk tujuan analisis perniagaan dan pelaburan. Manakala, masalah keselamatan maklumat merupakan kekurangan yang paling utama apabila melaporkan maklumat kewangan menerusi Internet. Penemuan kajian ini didokong dengan dapatan kajian Joshi dan Al-Modhahki (2003) dan Ali Khan dan Ismail (2009a). Penemuan kajian ini memperjelaskan bahawa aspek yang melibatkan keselamatan dan kerahsiaan maklumat sesebuah perniagaan menjadi faktor utama kekurangan PKMI.

Jadual 4: Kelebihan Pelaporan Kewangan menerusi Internet

Item	Min	Sisihan Piawai
Peningkatan maklumat dan analisis	4.41	.720
Mudah untuk dilayari	4.34	.746
Capaian komunikasi utama peringkat global	4.31	.701
Ketepatan masa dan sentiasa dikemas kini	4.18	.817
Interaksi dan maklum balas	4.18	.747
Pembentangan yang fleksible	4.03	.875
Kos berfaedah	4.03	.827

Jadual 5: Kekurangan Pelaporan Kewangan menerusi Internet

Item	Min	Sisihan Piawai
Masalah keselamatan maklumat	4.04	.913
Kos dan kepakaran	3.91	.909
Sempadan digital negara membangun dan sedang membangun	3.80	.891
Kesahihan dan halangan undang-undang	3.76	.824
Maklumat terlebih muat turun	3.66	1.089
Reka bentuk laman web dan pengiklanan yang lemah	3.65	.913

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan pengguna penyata kewangan khususnya pelajar universiti berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi syarikat untuk mengamalkan atau tidak mengamalkan PKMI. Perkara yang turut dibincangkan dalam kajian ini ialah kelebihan dan kekurangan melaporkan maklumat kewangan menerusi laman sesawang syarikat. Penemuan kajian juga lebih menjurus kepada trend dan pola pandangan pengguna penyata kewangan (terutamanya pelajar universiti) berkaitan dengan hal penyelidikan PKMI.

Hasil kajian menunjukkan bahawa meningkatkan imej korporat, syarikat seiring dengan perkembangan teknologi persaingan dalam industri dan persaingan dalam industri merupakan tiga faktor utama yang mendorong syarikat mengamalkan PKMI. Tiga faktor utama yang menyebabkan syarikat tidak mengamalkan PKMI ialah memerlukan kepakaran dalam syarikat, memerlukan maklumat sentiasa dikemas kini dan prihatin terhadap keselamatan maklumat. Peningkatan maklumat dan analisis, mudah untuk dilayari dan capaian komunikasi utama peringkat global merupakan tiga kelebihan utama daripada PKMI. Manakala, masalah keselamatan maklumat merupakan kelemahan utama apabila melaporkan maklumat kewangan menerusi internet.

Limitasi dalam kajian ini ialah sampel hanya melibatkan pelajar universiti. Oleh yang demikian, penemuan ini hanya menggambarkan pandangan pelajar universiti sahaja. Pandangan ini tidak mewakili pandangan keseluruhan para pengguna penyata kewangan. Oleh itu, kajian pada masa akan

datang seharusnya melibatkan kumpulan pengguna penyata kewangan yang lain seperti para pegawai bank, para pelabur, pihak yang memberi pinjaman, pengusaha perniagaan, pengurus organisasi, ahli akademik, juruaudit, pegawai percukaian dan sebagainya. Pandangan penyedia penyata kewangan (seperti ketua pegawai kewangan, pengurus kewangan, akauntan) boleh juga dilaksanakan dan seterusnya kajian perbandingan antara penyedia penyata kewangan dengan pengguna penyata kewangan boleh dilakukan.

Penyelidik berharap kajian ini akan menjadi pencetus kepada kajian lanjutan berkaitan dengan PKMI bukan hanya di Malaysia, tetapi di negara lain khususnya dari segi pembuktian secara empirikal. Tidak dapat dinafikan bahawa bidang penyelidikan PKMI merupakan antara bidang penyelidikan perakaunan kewangan yang semasa sifatnya, amat penting dan agenda yang menarik untuk terus dikaji. Walaupun, kajian PKMI yang terdahulu banyak memberi tumpuan kepada kajian deskriptif, kajian faktor penentu, kajian persepsi pengguna penyata kewangan dan kajian pandangan penyedia penyata kewangan. Kajian perbandingan antara beberapa buah negara juga boleh dilakukan untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan yang signifikan terhadap hal penyelidikan PKMI. Berasaskan kepada bidang penyelidikan PKMI yang sangat dinamik dan semasa keadaannya,, isu berkaitan dengan tahap semasa PKMI di sesebuah negara amat menarik untuk diselidiki. Konklusinya, penyelidik turut berharap impak kajian ini berupaya meningkatkan kesedaran masyarakat dan komuniti ilmu (seperti kerajaan, pembuat polisi atau dasar, pihak pengurusan, syarikat, peserta pasaran, penyedia, pengguna, pengubal undang-undang, pengubal piawai perakaunan, ahli akademik, penyelidik dan badan profesional) terhadap bidang penyelidikan PKMI.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia yang membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Jangka Pendek (Staf Akademik Baru dengan PhD) dan Skim Geran Universiti Penyelidikan. Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas pandangan dan maklum balas daripada peserta di Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2011 di Hotel Vistana, Pulau Pinang pada 16 hingga 17 November 2011 anjuran bersama Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia dan Water Watch Penang. Penulis turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Norhayati Haji Salleh dan Nurul Ain Omar di atas penyediaan awal dan pengeditan makalah ini.

RUJUKAN

- Al-Htaybat, K. (2011). Corporate online reporting in 2010: a case study in Jordan. *Journal of Financial Reporting & Accounting*, 9(1), 5-26.
- Al-Htaybat, K., Alhtaybat, L.V. & Hutaibat, K.A. (2011). Users' Perceptions on Internet Financial Reporting Practices in Emerging Market: Evidence from Jordan. *International Journal of Business and Management*, 6(9), 170-182.
- Alam, Z. & Rashid, K. (2014). Corporate Financial Reporting on the Internet: A Survey of Websites of Listed Companies in Pakistan. *The IUP Journal of Corporate Governance*, XIII(3), 17-39.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2009a). Internet Financial Reporting in Malaysia: Factors, Pros and Cons. *Accountants Today*, 22(2), 28-31.
- Ali Khan, M.N.A & Ismail, N.A. (2009b). Dimensi Pelaporan Kewangan Menerusi Internet. *International Journal of Management Studies*, 16(1), 75-96.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2010). Kajian Awal terhadap Kepentingan Item Pelaporan Kewangan Menerusi Internet di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 17(2), 205-230.

- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2011a). The Use of Disclosure Indices in Internet Financial Reporting Research. *Journal of Global Business and Economics*, 3(1), 157-173.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2011b). The Level of Internet Financial Reporting of Malaysian Companies. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 2, 27-39.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2011c). Pelaporan Kewangan Menerusi Internet: Tinjauan Kajian Lepas. *International Journal of Management Studies*, 18(2), 21-52.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2012a). A Review of E-Financial Reporting Research. *Journal of Internet and e-Business Studies*. 2012: 16 pages.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2012b). An empirical study on the indexes of internet financial reporting: The case of Malaysia. *African Journal of Business Management*, 6(5), 2086-2100.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2012c). Users' Perceptions of Various Aspects of Malaysian Internet Financial Reporting. *Journal of Organizational Management Studies*, 2012. 14 pages.
- Ali Khan, M.N.A., Ismail, N.A. & Zakuan, N. (2013a). Benefits of internet financial reporting in a developing countries: Evidence from Malaysia. *African Journal of Business Management*, 7(9), 719-726.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2013b). Pandangan Pengguna Penyata Kewangan terhadap Kepentingan Item di dalam Indeks Pelaporan Kewangan Menerusi Internet di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 61(1), 33-46.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2014a). An Empirical Investigation of Preparers' and Users' Views on Internet Financial Reporting Disclosure Items in Malaysia. *Sains Humanika*, 2(3), 23-34.
- Ali Khan, M.N.A. & Ismail, N.A. (2014b). Determinants of Web Based Financial Reporting in Malaysia. *GIABR Journal of Business*, 1(1), 28-56.
- Allam, A. & Lymer, A. (2003). Development in Internet Financial Reporting: Review and Analysis Across Five Developed Countries. *The International Journal of Digital Accounting Research*, 3(6), 165-199.
- Ashbaugh, H., Johnstone, K.M. & Warfield, T.D. (1999). Corporate Reporting on the Internet. *Accounting Horizons*, 13(3), 241-257.
- Ayob, A.M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bajet 2014: Pengguna Internet Malaysia mencecah 25 juta orang pada 2015. Berita Harian. 25 Oktober 2013.
- Beattie, V. and Pratt, K. (2003). Issues concerning web-based business reporting: an analysis of the views of interested parties. *The British Accounting Review*, 35, 155-187.
- Bekiaris, M., Psimada, C. and Sergios, T. (2014). Internet Financial Reporting Quality and Corporate Characteristics: The Case of Construction Companies Listed in Greek and Cypriot Stock Exchange. *European Research Studies*, XVII(2), 41-57.
- Berita Harian. (23 Mac 2012). Pengguna internet layari laman web meningkat.
- Celik, O., Ecer, A. and Karabacak, H. (2006). Impact of Firm Specific Characteristics on the Web Based Business Reporting: Evidence from the Companies Listed in Turkey. *Problems and Perspectives in Management*, 4(3), 100-133.
- Chan, W.K. and Wickramasinghe, N. (2006). Using the internet for financial disclosure: the Australian experience. *International Journal Electronic Finance*, 2(1), 118-150.
- CICA. (1999). *The Impact of Technology on Financial and Business Reporting*. Research study for the Canadian Institute of Chartered Accountants.

- Craven, B. M. and Marston, C. L. (1999). Financial reporting on the internet by leading UK companies. *The European Accounting Review*, 8(2), 321-333.
- Dolinsek, T., Tominc, P. & Skerbinjek, A.L. (2014). The determinants of internet financial reporting in Slovenia. *Online Information Review*, 38(7), 842-860.
- FASB. (2000). *Business reporting research project: Electronic distribution of business reporting information*. Steering Committee Report Series. Financial Accounting Standards Board.
- FASB. (2001). *Improving business reporting: Insights into enhancing voluntary disclosures*. Financial Accounting Standards Board.
- Flynn, G. & Gowthorpe, C. (1997, July) *Volunteering financial data on the World Wide Web. A study of financial reporting from a stakeholder perspective*. Paper presented at the 1st Financial Reporting and Business Communication Conference, Cardiff, 3/4.
- Fuertes-Callen, Y., Cuellar-Fernandez, B. & Pelayo-Velazquez, M. (2014). Determinants of online corporate reporting in three latin American markets The role of web presence development. *Online Information Review*, 38(6), 806-831.
- Gray, G.L. & Debreceny, R. (1997). Corporate Reporting on the Internet: Opportunities and Challenges. Paper presented at the *Seventh Asian-Pacific Conference on International Accounting Issues*, Bangkok.
- Green, G. & Spaul, B. (1997, May). Digital Accountability. *Accountancy*. International Edition, 49-50.
- Gowthorpe, C. (2004). Asymmetrical dialogue? Corporate financial reporting via the Internet. *Corporate Communications: An International Journal*, 9(4), 283-293.
- Gowthorpe, C. & Flynn, G. (1997, August). Reporting on the web: The state of the art. *Accountancy*: 68–69.
- Haniffa, R.M. & Cooke, T.E. (2005). The impact of culture and governance on corporate social reporting. *Journal of Accounting and Public Policy*, 24, 391-430.
- Hassan, S, Jaaffar, N., Johl, S.K. & Mat Zain, M./N. (1999). Financial reporting on the internet by Malaysian companies: Perceptions and practices. *Asia-Pacific Journal of Accounting*, 6(2), 299-319.
- Hodge, F.D., Kennedy, J.J. & Maines, L.A. (2004). Does Search-Facilitating Technology Improve the Transparency of Financial Reporting? *The Accounting Review*, 79(3), 687-703.
- IASC. (1999). *IASC Publishers Study of Business Reporting on the Internet*. Press Release: International Accounting Standards Committee, 15 November 1999.
- ICAEW. (1998). *The 21st century annual reporting*. London. The Institute of Chartered Accountants in England and Wales.
- ICAEW. (2004). *Digital reporting: A progress report*. London. The Institute of Chartered Accountants in England and Wales.
- Internet World Stats. (2015). Usage and Population Statistics. Retrieved January 15, 2015 from <http://www.internetworldstats.com/stats3.htm>
- Joshi, P.L. (2008). *Multinational Corporations' Corporate Social and Environmental Reporting (CSER) on Websites*. Paper presented at International Accounting and Business Conference (IABC) 2008, Johor Bahru, Johor, August 18-19, 2008.
- Joshi, P.L. & Al-Bastaki, H. (2000). Factors determining financial reporting on the internet by banks in Bahrain. *Review of Accounting Information Systems*. 4(3), 63-74.

- Joshi, P.L. & Al-Modhahki, J. (2003). Financial reporting on the internet: Empirical evidence from Bahrain and Kuwait. *Asia-Pacific Journal of Accounting*, 11(1), 88-101.
- Khan, T. (2006). *Financial Reporting Disclosure on the Internet: An International Perspective*. Unpublished doctoral dissertation, Victoria University, Footscray Park, Victoria, Australia.
- Konting, M.M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Louwers, T.W., Pasewark, W. & Typpo, E. (1996). Silicon valley meets Norwalk. *Journal of Accountancy*, 186, 20-24.
- Lymer, A. (1997). The use of the Internet for Corporate Reporting - a discussion of the issues and survey of current usage in the UK. *Journal of Financial Information Systems*. Retrieved March 3, 1999. from <http://www.shu.ac.uk/schools/fsl/fisjnl/voll996/pprs1997/lymer97.htm>
- Lymer, A. (1999). The Internet and the future of corporate reporting in Europe. *European Accounting Review*, 8(2), 289-301.
- Lymer, A. & Tallberg, A. (1997, April). *Corporate Reporting and the Internet - a survey and commentary on the use of the WWW in corporate reporting in the UK and Finland*. Paper presented at the Annual Congress of the European Accounting Congress, Graz, Austria.
- Marston, C. & Leow, C. Y. (1998). *Financial reporting on the Internet by leading UK companies*. Paper presented at the 21st Annual Congress of the European Accounting Association, Antwerp, Belgium.
- Mohd Isa, R. (2006). Graphical Information in Corporate Annual Report: A Survey of Users and Preparers Perception. *Journal of Financial Reporting & Accounting*, 4(1), 39-60.
- Mohd Rawi, A.S., Omar, S.Z. & Ali, M.S.S. (2012). E-Dagang di Malaysia: Perkembangan, Pelaksanaan, dan Cabaran. *Jurnal Teknologi*, 57, 105-127.
- Momany, M.T., Al-Malkawi, H.N. & Mahdy, E.A. (2014). Internet financial reporting in an emerging economy: evidence from Jordan. *Journal of Accounting in Emerging Economies*, 4(2), 158-174.
- Moradi, M., Salehi, M. & Arianpoor, A. (2011). A study of the reasons for shortcomings in establishment of internet financial reporting in Iran. *African Journal of Business Management*, 5(8), 3312-3321.
- Oyelere, P., Laswad, F. & Fisher, R. (2003). Determinants of internet financial reporting by New Zealand companies. *Journal of International Financial Management and Accounting*, 14(1), 26-61.
- Petravick, S. & Gillett, J. (1996, July). Financial reporting on the World Wide Web. *Management Accounting*: 26-29.
- Petravick, S. & Gillett, J. (1998, October). Distributing Earnings Reports on the Internet. *Management Accounting*: 54-56.
- Pirchegger, B. & Wagenhofer, A. (1999). Financial information on the Internet: a survey of the homepages of Austrian companies. *The European Accounting Review*, 8(2), 383-395.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business A Skill Building Approach* (4th ed.). USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Shiri, M., Salehi, M. & Bigmoradi, N. (2013). Internet financial reporting: Case of Iran. *Journal of Distribution Science*, 11(3), 49-62.
- Sriram, R.S. & Lakshmana, I. (2006). Corporate Web Site Reports: Some Evidence on Relevance and Usefulness. *Information Resources Management Journal*, 19(3), 1-17.

- Thompson, G. (1996). Communications assets in the information age: the impact of the technology on corporate communications. *Corporate Communications: An International Journal*, 1(3), 8-10.
- Trabelsi, S., Labelle, R. & Laurin, C. (2004). CAP Forum on E-Business: The Management of Financial Disclosure on Corporate Websites: A Conceptual Model. *Canada Accounting Perspectives*, 3(2), 235-259.
- Utusan. (27 Oktober 2014). Pengguna Malaysia tertinggi guna internet pada telefon pintar.
- Uyar, A. (2012). Determinants of corporate reporting on the internet An analysis of companies listed on the Istanbul Stock Exchange (ISE). *Managerial Auditing Journal*, 27(1), 87-104.
- Wallman, S. (1995). The Future of Accounting and Disclosure in Evolving World: The Need for Dramatic Changes. *Accounting Horizon*, 9(3), 81-91.